

Parlimen tolak cadangan pisahkan jawatan PM dan menteri kewangan
Malaysian Insider
Nov 4, 2015
Oleh Eileen Ng

Parlimen hari ini menolak rang undang-undang persendirian yang dibawa Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli bagi memperuntukkan undang-undang menghalang seseorang memegang 2 jawatan serentak iaitu perdana menteri dan menteri kewangan.

Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia menolak rang undang-undang itu dalam kamarnya kerana ia tidak memenuhi Peraturan Tetap 27 yang memerlukan usul itu dihantar secara bertulis.

Rafizi menghantar rang undang-undang itu melalui emel.

Pandikar juga memaklumkan rang undang-undang itu bertentangan dengan Akta 1969 Fungsi Menteri.

Rafizi dalam kenyataannya berpendapat pendirian ini akan mengurangkan kebebasan Parlimen dan merendahkan kedudukan Parlimen yang sepatutnya setaraf dengan cabang eksekutif kerajaan daripada segi bidang kuasanya.

"Oleh itu, saya akan memfailkan kembali Rang Undang-undang Persendirian ini secara surat bertulis mengikut Peraturan Mesyuarat 27 dan berharap yang dipertua Dewan Rakyat mempertimbangkan untuk dimasukkan di dalam Aturan Mesyuarat dalam sidang depan," katanya.

Rafizi berkata, beliau juga memfailkan usul untuk mengehadkan harga yang akan dibayar TNB terhadap aset IPP milik 1MDB pada 2 November, 2015 dan menerima pengesahan dari Pejabat Yang Dipertua Dewan Rakyat.

"Saya percaya Dewan Rakyat mesti memberikan isyarat yang jelas ia akan ada campur tangan dalam sebarang urusan niaga besar yang melibatkan kepentingan dan dana awam seperti ini," katanya.

Sehubungan itu, katanya, beliau berharap speaker Dewan Rakyat mempertimbangkan usul itu dibenarkan untuk dibahas apabila ia dimasukkan dalam Aturan Mesyuarat bagi tempoh 2 minggu dari sekarang. – 4 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/parlimen-tolak-usul-pisahkan-jawatan-pm-dan-menteri-kewangan>